



**AHMAD Shah (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Mohd Fauzi.**

## PASDEC hulur sumbangan RM1,014

**Kuantan:** Penderitaan penduduk Gaza terus mendapat perhatian apabila PASDEC Holdings Berhad (PASDEC) menyampaikan sumbangan RM1,014 kepada Tabung Kemanusiaan Palestin-Media Prima Berhad, semalam.

Sumbangan diserahkan oleh Pengurus Komunikasi Korporatnya Datuk Ahmad Shah Othman kepada Pengurus The New Straits Times Press (NSTP) cawangan Kuantan Mohd Fauzi Abdul Hamid.

Ahmad Shah berkata, semua wang sumbangan berkenaan hasil kutipan dari-



pada 230 kakitangan PASDEC diharap dapat meringankan sedikit beban kesengsaraan ribuan penduduk Palestin di Gaza.

Orang ramai dan organi-

sasi yang mahu menyalurkan sumbangan kepada tabung itu boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank 5642-7651-0331 di bawah nama Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima Berhad.

Pembayaran juga boleh dibuat menerusi aplikasi Maybank2u.com, bayaran tunai, cek dan di kaunter Maybank atau datang sendiri ke Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Aras 1, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.